

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI
PANGLIMA HAJI MOHD DUN [BEAUFORT]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menambah jumlah peruntukan bantuan awal persekolahan kepada golongan B40 yang difahamkan hanya RM100 diberikan kepada pelajar setakat ini.

JAWAPAN

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil maklum akan kadar RM100 di bawah Bantuan Awal Persekolahan pada ketika ini. KPM berpandangan kenaikan kadar tersebut sesuai dikaji semula apabila kedudukan kewangan Kerajaan semakin kukuh.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Kerajaan juga telah menyediakan pelbagai jenis bantuan kepada semua murid yang layak, seperti berikut:

- i. Rancangan Makanan Tambahan (RMT);
- ii. Bantuan Pakaian Seragam (BPS);
- iii. Projek Khas Sekolah Berasrama Penuh (PKSBP);
- iv. Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM); dan
- v. Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP).

Dengan ini, Kementerian Pendidikan Malaysia berharap pemberian bantuan ini akan dapat meringankan beban ibu bapa, terutamanya golongan B40 bagi menampung kos perbelanjaan persekolahan anak-anak.

Sekian, terima kasih.